JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH

2023

LAPORAN TAHUNAN

Semua maklumat adalah sahih pada masa cetakan.
All information are deemed correct at the time of printing

JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH

04
Jawatankuasa Editorial Penyediaan Laporan Tahunan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah 2023

06
Perutusan Pengarah

08
Pengurusan Tertinggi

Perlembagaan, Dasar dan Undang-undang Tahun 2023
14

Pengurusan dan Pentadbiran
19

Profil Perhutanan Negeri
48

Isi Kandungan

09
Perpektif Jabatan
10 Wawasan
10 Misi
10 Objektif
11 Piagam Pelanggan

55
Petunjuk Utama

71
Imbasan 2023

12
Kepentingan Hutan

92
Lampiran

JAWATANKUASA EDITORIAL PENYEDIAAN LAPORAN TAHUNAN JABATAN PERHUTANAN NEGERI KEDAH 2023

PENAUNG

Muhamad bin Abdullah, AMK., AMP.

Pengarah Perhutanan Negeri Kedah

PENASIHAT

Zainuddin bin Jamaluddin

Timbalan Pengarah (Pembangunan)

PENGERUSI

Mohd Asri bin Yussof, AMK,

Timbalan Pengarah (Operasi)

SETIAUSAHA

Nurliyana Aqilah binti Asri

Penolong Pengarah (Kepelbagaian Sumber Hutan)

BENDAHARI

Nuraimi binti Bahadun

Penolong Akauntan

KETUA PENGARANG

Fatin Afiqah binti Roslan

Penolong Pengarah (Eko-Park dan Hutan Taman Negeri)

PENYUNTING

Nurliyana Aqilah binti Asri

Penolong Pengarah (Kepelbagaian Sumber Hutan)

REKA BENTUK DAN KONSEP

Mohd Mustakim bin Semail, BCK.

Penolong Pengarah (Penguatkuasaan)

SUSUN ATUR DAN GRAFIK

Nurul Hana binti Mohd Sayuti

Penolong Pengarah (Perindustrian, Pengusahasilan Kayu dan Bukan Kayu)

PENYELARAS JURUGAMBAR

Muhammad Said bin Abd Hakim
Penolong Pengarah (Ladang Hutan dan Inovasi)

MAKLUMAT SUMBER

Mohd Mustakim bin Semail, BCK.
Penolong Pengarah (Penguatkuasaan)
Ihsan Sabri bin Kamarazaman
Penolong Pengarah (Pengurusan Hutan)
Rajihan bin Rahim
Penolong Pengarah (Silvikultur dan Perlindungan)
Muhammad Said bin Abd Hakim
Penolong Pengarah (Ladang Hutan dan Inovasi)
Nurul Hana binti Mohd Sayuti
Penolong Pengarah (Perindustrian, Pengusahasilan Kayu dan Bukan Kayu)
Muhamad Firdaus Zulnaim bin Johari
Penolong Pengarah (Siasatan)
Fatin Afiqah binti Roslan
Penolong Pengarah (Eko-Park dan Hutan Taman Negeri)
Nurliyana Aqilah binti Asri
Penolong Pengarah (Kepelbagaian Sumber Hutan)
Harman Bin Baharudin
Pegawai Hutan Daerah
(Pejabat Hutan Daerah Kedah Utara)
Nor Shahrini Bin Nordin Ahmad
Pegawai Hutan Daerah
(Pejabat Hutan Daerah Kedah Tengah)
Fadlilah Amirullah Bin Mohamed
Pegawai Hutan Daerah
(Pejabat Hutan Daerah Kedah Selatan)
Akram bin Gimin
Pegawai Hutan Daerah
(Pejabat Hutan Daerah Kedah Barat)
Rahimah binti Abdul Rahim
Penolong Pegawai Tadbir
Mohamad Firdaus bin Ali Mahsen
Penolong Jurutera (Kejuruteraan Hutan)
Suzana binti Safie
Ketua Pembantu Tadbir (Kewangan)
Mohd Noordeen bin Syed Mohamed
Renjer/Penolong Pegawai (Latihan)

PENGHARGAAN

Wakil-wakil Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Negeri Kedah, Pejabat Hutan Daerah Kedah Utara, Pejabat Hutan Daerah Kedah Tengah, Pejabat Hutan Daerah Kedah Selatan dan Pejabat Hutan Daerah Kedah Barat (Langkawi)

Perutusan Pengarah

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, Laporan Tahunan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah (JPNK) bagi tahun 2023 ini telah berjaya diterbitkan. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga sidang redaksi yang menyumbang khidmat bakti cemerlang pada tahun 2023 sehingga terhasilnya Laporan Tahunan ini.

2. Negeri Kedah mempunyai keluasan tanah seluas 946,616.36 hektar dimana 36.28 peratus keluasannya adalah merupakan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK). Sehingga Disember 2023, keluasan HSK di Negeri Kedah adalah seluas 343,465.92 hektar. Daripada keluasan keseluruhan HSK tersebut, ianya terbahagi kepada dua pengelasan utama hutan iaitu Hutan Perlindungan seluas 136,569.26 hektar dan Hutan Pengeluaran seluas 206,896.66 hektar.

3. Pentadbiran JPNK terdiri daripada Pejabat Perhutanan Negeri di Alor Setar dan terbahagi kepada empat (4) Pejabat Hutan Daerah iaitu Pejabat Hutan Daerah Kedah Utara di Jitra, Pejabat Hutan Daerah Kedah Tengah di Sungai Petani, Pejabat Hutan Daerah Kedah Selatan di Kulim dan Pejabat Hutan Daerah Kedah Barat (Langkawi).

4. Sehingga kini, berdasarkan rekod penjawatan sehingga 31 Disember 2023, terdapat seramai 13 orang Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Professional serta seramai 339 orang kakitangan daripada Kumpulan Pelaksana. Jumlah waran bagi penjawatan sebenar yang diluluskan adalah sebanyak 416 penjawatan. Ini bermakna, sebanyak 64 jawatan yang masih belum diisi, yang mana terdiri daripada kekosongan jawatan seperti berikut:

1. Pegawai Tadbir Gred N41(1 jawatan)
2. Penolong Pemelihara Hutan G32 (1 jawatan)
3. Pembantu Tadbir (Kewangan) W19 (1 jawatan)
4. Pelukis Pelan (Kejuruteraan Awam) JA19 (1 jawatan)
5. Pengawas Hutan G22 (1 jawatan)
6. Pengawas Hutan G19 (38 jawatan)
7. Pembantu Awam H11 (20 jawatan)
8. Pemandu Kenderaan H11 (1 jawatan)

Walau bagaimanapun, JPNK telah membuat permohonan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) bagi mengisi kekosongan jawatan tersebut kerana melalui pengisian jawatan ini akan memperkasakan lagi pentadbiran jabatan secara amnya dan dapat melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan hutan secara khususnya dengan lebih berkesan berdasarkan peruntukan perundangan iaitu Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985.

5. Peruntukan bagi kuota Catuan Tebangan Tahunan (CTT) Negeri Kedah bagi tempoh RMK-12 (2021-2025), adalah seluas 4,200 hektar setahun. Pencapaian CTT sehingga Disember tahun 2023, kuota CTT yang telah digunakan oleh Negeri Kedah adalah 4,193.30 hektar iaitu seluas 99.84 peratus.

6. Pencapaian kutipan hasil JPNK melalui Premium, Royalti, Ses dan Lain-lain Fee adalah RM RM34,436,636.37 Pencapaian ini melebihi daripada sasaran kutipan hasil yang ditetapkan iaitu sebanyak RM33,000,000.00. Ini merupakan kejayaan jabatan serta semua warga kerja JPNK yang menunjukkan komitmen yang sangat tinggi serta komited dalam menguruskan sumber hutan secara mampan.

7. JPNK juga telah berjaya mengurus sumber kewangan yang telah diperuntukkan seperti Peruntukan Pembangunan (P23) iaitu berjumlah RM7,900,000.00 bagi tahun 2023. Bagi peruntukan ini JPNK telah berjaya membelanjakan sebanyak 91.31 peratus daripada peruntukan yang diluluskan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM4,470,000.00 merupakan peruntukan *Ecological Fiscal Transfer For Biodiversity* (EFT).

8. Melalui peruntukan yang disalurkan JPNK telah berjaya merealisasikan tujuh (7) program utama iaitu merangkumi Pengurusan Sumber Hutan, Eko Pelancongan dan Hutan Taman Negeri, Pembangunan dan Pemuliharaan Hutan Simpan, Perhutanan Sosial dan Sumber Hutan Bukan Kayu, Bangunan Pejabat, Bangunan Kuarters, Projek Pengeluaran Benih dan Operasi Risikan dan Penguatkuasaan bagi memastikan pengurusan hutan secara berkekalan dengan lebih efisien.

9. JPNK juga komited dalam pelaksanaan Program Penghijauan Malaysia melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok di seluruh negara di bawah RMKe-12 yang telah dilaksanakan secara serentak di seluruh negara pada 5 Januari 2021. JPNK telah mensasarkan sebanyak 2,750,000 pokok akan ditanam bagi tempoh 5 tahun bermula dari tahun 2021 hingga 2025 di mana dijangkakan penanaman pokok setahun bagi Negeri Kedah adalah 550,000 pokok. Pencapaian penanaman pokok diseluruh Negeri Kedah bagi tahun 2023, sebanyak 682,638 pokok dan menjadikan jumlah keseluruhan tanaman pokok di Negeri Kedah dari tahun 2021 hingga 2023 adalah berjumlah 2,248,440 pokok.

10. Kejayaan ini tidak akan dapat dicapai tanpa usaha yang berterusan antara JPNK bersama-sama dengan rakan strategik seperti RISDA, FELCRA, Pihak Berkuasa Tempatan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Universiti Awam dan Swasta, *Non-governmental organization* (NGO) serta orang awam.

11. Tidak lupa juga, salah satu tapak bagi Rangkaian Ekologi Central Forest Spine (CFS) di Kedah, K-SL1 yang terdiri daripada Hutan Simpan Ulu Muda – Hutan Simpan Bukit Saiong – Hutan Simpan Pedu – Hutan Simpan Chebar turut mendapat pengiktirafan antarabangsa melalui *Rehabilitation Programme through Tree Planting Activities under Central Forest Spine Management and Development Project* pada 5 Jun 2023 di Jakarta, Indonesia.

12. Di samping itu, sepanjang tahun 2023, terdapat sebanyak 731 aktiviti penguatkuasaan telah dilaksanakan di daerah-daerah hutan Negeri Kedah bagi mencegah aktiviti-aktiviti haram di dalam HSK. Aktiviti penguatkuasaan ini dijalankan melalui pemantauan melalui rondaan dan sekatan jalanraya, *drone*, pemantauan *war room* di IPJPSM serta pemantauan bersama agensi-agensi teknikal seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Imigresen, Jabatan Mineral dan Geosains (JMG), Pejabat Tanah dan Galian (PTG) serta agensi-agensi kerajaan yang lain.

13. Harapan saya pada masa akan datang JPNK dapat membuat kutipan hasil melebihi sasaran yang ditetapkan dan mengekalkan kecemerlangan jabatan. Jabatan juga akan meningkatkan kesedaran masyarakat melalui penglibatan di dalam program atau aktiviti yang dianjurkan oleh jabatan seperti program *Communication, Educational and Public Awareness* (CEPA) dan perhutanan sosial. Ini secara langsung akan meningkatkan pendedahan kepada masyarakat tentang kepentingan alam sekitar dan secara tidak langsung menyokong kepada Kempen Penanaman 100 Juta Pokok.

14. Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas sokongan dan kerjasama yang diberikan oleh seluruh warga JPNK kerana telah memberikan komitmen yang sangat tinggi dalam memastikan kelancaran pentadbiran bagi mengurus sumber hutan secara berkekalan. Tahniah dan syabas atas sumbangan dan inisiatif semua pihak dalam usaha menerbitkan Laporan Tahunan Jabatan Perhutanan Negeri Kedah 2023. Semoga semua warga kerja JPNK terus komited, mendukung prinsip ketelusan dan integriti.

(Muhamad bin Abdullah, AMK., AMP.)
Pengarah Perhutanan Negeri
Kedah Darul Aman.

Pengurusan Tertinggi

Mohd Asri bin Yussof, AMK.
Timbalan Pengarah (Operasi)
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

Zainuddin bin Jamaluddin,
Timbalan Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Perhutanan Negeri Kedah

Muhamad bin Abdullah, AMK., AMP.
Pengarah Perhutanan
Negeri Kedah.

Perspektif Jabatan

Hutan Simpan Ulu Muda, Kedah

WAWASAN

Menjadi agensi terunggul dalam pengurusan Hutan Tropika secara berkekalan.

MISI

Untuk mengurus dan membangunkan sumber hutan secara berkekalan serta mengoptimumkan sumbangannya kepada pembangunan sosio ekonomi negara.



OBJEKTIF

1. Untuk menguruskan sumber hutan secara berkekalan bagi pengeluaran berterusan hasil yang berkekalan dan perkhidmatan hutan serta penggunannya secara optimum bersesuaian dengan keperluan alam sekitar.
2. Untuk meningkatkan bekalan pengeluaran hasil dan perkhidmatan hutan melalui aktiviti-aktiviti perhutanan bersesuaian yang akan meningkatkan kualiti, produktiviti serta penggunaan sumber hutan.
3. Untuk terus membangunkan teknologi mantap yang bersesuaian dengan keperluan alam sekitar bagi pemeliharaan, pengurusan dan penggunaan sumber hutan.
4. Untuk memelihara dan melindungi kepelbagaian hayat hutan, air dan tanah, dan penggunaannya secara berkekalan.
5. Untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan kilang-kilang pemprosesan berasaskan keluaran hutan serta menambah aktiviti-aktiviti hiliran dengan nilai tambah yang tinggi.
6. Untuk memperkukuhkan pembangunan sumber manusia bagi menyokong Perhutanan.
7. Untuk meningkatkan kesedaran awam berhubung peranan hutan terhadap alam sekitar dan pemeliharaan melalui pembelajaran serta pemeliharaan melalui pembelajaran.
8. Untuk meningkatkan sumbangan sektor perhutanan kepada pendapatan negara, pertukaran wang asing dan peluang-peluang pekerjaan.

PIAGAM PELANGGAN

1. Semua permohonan untuk mengeluarkan hasil-hasil hutan atau menjalankan kilang berasaskan kayu akan diproses mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

2. Lesen-lesen untuk mengeluarkan hasil hutan akan dikeluarkan dalam tempoh tidak melebihi enam (6) bulan dari tarikh kelulusan diberi, setelah semua syarat kelulusan dipatuhi.

3. Lesen untuk menjalankan kilang berasaskan kayu akan dikeluarkan dalam tempoh masa tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh siap kilang dibina setelah memenuhi semua syarat kelulusan.

4. Keputusan mengenai permohonan melanjutkan tempoh lesen mengeluarkan hasil hutan atau lesen menjalankan kilang berasaskan kayu akan diberi dalam tempoh tidak melebihi satu (1) bulan dari tarikh permohonan diterima.

5. Menghargai maklumat serta maklum balas yang diterima dari orang awam. Semua aduan kesalahan hutan akan diambil tindakan dalam masa tidak melebihi tiga (3) hari.

6. Memberi perkhidmatan yang sebaik mungkin serta layanan yang mesra setiap kali.

Kepentingan Hutan



HUTAN SIMPAN ULU MUDA, KEDAH

Sebagai sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian biologi yang tinggi, hutan memainkan peranan penting dalam menyediakan habitat, makanan, perlindungan serta sumber bekalan air dan udara bersih untuk manusia, haiwan dan juga tumbuh-tumbuhan.

Hutan juga merupakan aset semula jadi yang amat berharga kepada pengawalan iklim, pembangunan sosioekonomi serta perkhidmatan ekosistem.

Menyedari kepentingan hutan dalam menjamin kesejahteraan hidup, Rancangan Fizikal Negara (RFN) Ke-4 telah menyasarkan sejumlah 50 peratus kawasan berhutan di Semenanjung Malaysia menjelang tahun 2040.

PERLEMBAGAAN, DASAR & UNDANG-UNDANG

DASAR DAN PERLEMBAGAAN

Perkara 74 (2) Perlembagaan Persekutuan dibaca bersama Senarai II dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan hutan adalah di bawah bidang kuasa negeri. Kerajaan Negeri mempunyai hak mutlak ke atas sumber hutan (Seksyen 14, Akta Perhutanan Negara 1984). Badan perundangan sesuatu negeri boleh membuat dan menerima pakai sesuatu undang-undang dan peraturan bagi urus tadbir dan pengurusan hal-hal perhutanan di dalam negeri berkenaan. Kerajaan Persekutuan hanya memberikan nasihat dan bantuan teknikal kepada negeri tentang pengurusan dan pembangunan hutan, penyelidikan dan latihan. Dalam hubungan ini, kerjasama rapat di antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri mengenai hal-hal perhutanan adalah penting.

Majlis Tanah Negara (MTN) telah ditubuhkan pada 22 Januari 1958 mengikut Peruntukan Perkara 91(5) Perlembagaan Persekutuan dalam usaha untuk memudah cara penyelarasan dan penyeragaman dasar urus tadbir sektor-sektor berkaitan tanah, perlombongan, pertanian dan perhutanan di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri melalui perundingan dari semasa ke semasa. Ini membolehkan segala isu dan masalah yang ebrkaitan dengan dasar, pentadbiran dan pengurusan perhutanan dapat diselaraskan dan penyelesaian ke atas semua perkara berkenaan dapat dilihat dari segi kepentingan nasional.

DASAR PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

i) Kenyataan Dasar

Malaysia mengiktiraf hutan sebagai khazanah warisan negara yang strategik dan komited untuk mengekalkan kawasan hutan yang mencukupi bagi kepentingan perkhidmatan ekosistem hutan, konservasi kepelbagaian biologi, perlindungan alam sekitar dan penggunaan sumber secara berkekalan ke arah pembangunan sosio ekonomi negara dan kesejahteraan generasi kini dan akan datang.

ii) Rasional Dasar

Kenyataan dasar ini adalah selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, menyediakan hala tuju bagi pelaksanaan Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB) melalui tadbir urus yang baik dan amalan terbaik bagi memastikan sektor perhutanan terus menyumbang ke arah pencapaian pembangunan lestari negara.

iii) Objektif Dasar

- Mengekalkan keluasan kawasan berhutan yang mencukupi berdasarkan tadbir urus yang baik melalui perancangan guna tanah yang cekap;
- Memelihara, memulihara dan mengurus kawasan HSK berdasarkan prinsip-prinsip Pengurusan Hutan Secara Berkekalan (PHSB);
- Meningkatkan kegunaan kepelbagaian fungsi dan perkhidmatan ekosistem hutan khususnya dalam mengurangkan impak perubahan iklim, pengekalan kestabilan alam sekitar, perlindungan tanah, kelestarian sumber bekalan air mentah dan makanan serta pembangunan ekopelancongan;
- Memelihara dan memulihara kepelbagaian biologi hutan bagi mengelakkan kemerosotan ekosistem, kepupusan spesies dan penurunan sumber genetik;

PERUNDANGAN

- Menjamin bahan mentah yang berterusan daripada kawasan hutan asli dan hutan ladang bagi memperkasa pembangunan industri hutan dalam memenuhi pasaran tempatan dan antarabangsa;

- Mengukuhkan perundangan dan penguatkuasaan undang-undang yang cekap dan berkesan bagi memastikan keberkekalan sumber hutan;

- Mengukuhkan kerjasama antara semua pihak berkepentingan di peringkat nasional dan antarabangsa bagi mewujudkan sinergi ke arah kemajuan perhutanan;

- Memelihara kesejahteraan hidup Orang Asli dan masyarakat setempat dalam perancangan dan pelaksanaan aktiviti pengurusan dan pembangunan hutan;

- Memperkasakan aktiviti penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan, inovasi dan penggunaan teknologi terkini bagi menjana kekayaan baharu daripada sumber hutan; dan

- Membentuk masyarakat yang menghargai dan mencintai khazanah hutan negara dan menggalakkan penyertaan masyarakat dalam pemeliharaan, pemuliharaan dan perlindungan hutan.

a) Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan 1993)

Akta ini digubal bertujuan memperkukuhkan dan melicinkan objektif-objektif yang digariskan dalam Dasar Perhutanan Negara 1978 (Pindaan 1992). Ianya adalah seragam di semua negeri di Semenanjung Malaysia bagi menggantikan enakmen-enakmen hutan yang telah digubal sebelum ini. Akta ini telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Kedah sebagai Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negara 1985 dan telah diwartakan pada 17 Disember 1993. Enakmen ini mula berkuatkuasa pada 4 Februari 1994.

Akta ini dipinda pada tahun 1993 selaras dengan langkah Kerajaan untuk membanteras kegiatan pembalakan haram serta bertujuan meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan undang-undang dan hukuman mengenai kesalahan hutan.

b) Kaedah-kaedah Hutan (Pindaan 2022)

Kaedah ini digubal sebagai panduan dan prosedur pelaksanaan Akta Perhutanan Negara (APN) di mana ianya berpandukan Seksyen 111 APN 1984 (Pindaan 1993). Kaedah ini telah diwartakan pada 23 Jun 2022 dan mula berkuatkuasa pada 22 April 2022.

c) Akta Industri Berasaskan Kayu 1984

Akta ini digubal bagi membolehkan Kerajaan Persekutuan mewakilkan kuasa kepada Kerajaan Negeri untuk mengendalikan aspek-aspek industri berasaskan kayu. Akta ini diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 29 November, 1985 sebagai Enakmen Industri Berasaskan Kayu 1985 dan telah diwartakan pada 31 Julai 1986. Enakmen ini berkuatkuasa pada 1 Januari 1988.

Enakmen Industri Berasaskan Kayu 1985, telah diterima pakai oleh Kerajaan Negeri Kedah pada 1 Januari 1986. Enakmen ini bertujuan untuk memberi peruntukan berhubung dengan penubuhan dan pengendalian industri berasaskan kayu. Enakmen ini juga mentafsir semua jenis kilang dan loji yang menggunakan sumber kayu sebagai Industri Berasaskan Kayu.

d) Kaedah-kaedah Industri Berasaskan Kayu

Kaedah ini telah diwartakan pada 2 November 2023 dan mula berkuatkuasa pada 30 Ogos 2023.

Selain dari Akta Perhutanan Negara, 1984 dan Akta Industri Berasaskan Kayu, 1987 terdapat juga undang-undang lain yang penting dan berkaitan dengan sektor perhutanan seperti berikut:-

i. Kanun Tanah Negara 1965 [Akta 56/1965]
ii. Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 [Akta 197]
iii. Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]
iv. Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]
v. Akta Keterangan 1950 [Akta 56]
vi. Akta Pemuliharaan Tanah 1960 [Akta 385]
vii. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]
viii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 [Akta 133]
ix. Kanun Prosedur Jenayah 1999 [Akta 593]
x. Akta Syarikat 2016 [Akta 777]
xi. Akta Taman Negara 1980 [Akta 226]
xii. Akta Perkongsian 1961 [Akta 135]
xiii. Akta Prosedur Kewangan 1957 [Akta 61]
xiv. Akta Kilang dan Jentera 1967 [Akta 139]
xv. Akta Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia 2016 [Akta 782]
xvi. Kanun Keseksaan 1948 [Akta 574]
xvii. Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447]
xviii. Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia [Pemerbadanan] 1973 [Akta 105]
xix. Akta Biokeselamatan 2007 [Akta 678]
xx. Akta Pembangunan Mineral 1994 [Akta 525]
xxi. Akta Orang Asli 1954 [Akta 134]
xxii. Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127]
xxiii. Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686]
xxiv. Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaaan 1994 [Akta 514]
xiiv. Enakmen Perlombongan 1929
xviv. Enakmen Bekalan Air 1935

Kanun Tatacara Jenayah 1999 - Akta 593; dan lain-lain yang berkaitan

GARIS PANDUAN

- MTCS ST 1002:2021 *Malaysian Criteria and Indicators for Sustainable Forest Management*
- Dokumen MS ISO 9001:2015
- Dokumen *Reduce Impact Logging*
- Manual Perhutanan 2003
- Pelan Induk Rangkaian Ekologi Central Forest Spine 2022 – PIRECFS (2022-2040)
- Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2022 – 2030
- Peraturan-peraturan Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2020
- Dasar Alam Sekitar Negara (DASN) 2002
- Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan (PTJK)
- Pelan Tindakan Pembakaran Terbuka Kebangsaan (PTPTK)
- Dasar Sumber Air Negara 2012
- Manual Saliran Mesra Alam
- Garis Panduan Pengurusan Keselamatan Struktur Empangan (MyDAMS)
- Erosion and Sediment Control Plans (ESCP)
- Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN Ke 4)

Pengurusan & Pentadbiran

Fungsi

JABATAN DAN SEKSYEN

Jabatan Perhutanan Negeri Kedah berfungsi sebagai satu jabatan profesional dan teknikal yang bertanggungjawab untuk mengurus dan memberi nasihat kepada Pihak Berkuasa Negeri di dalam hal ehwal pentadbiran dan pengurusan hutan. Secara khususnya fungsi Jabatan Perhutanan Negeri Kedah ialah:-

- Melaksanakan amanah Pihak Berkuasa Negeri dalam mentadbir dan mengurus sumber hutan negeri dengan konsep Pengurusan Hutan Secara Berkekalan supaya dapat memberi faedah-faedah sosial, ekonomi dan alam sekitar yang bersih kepada rakyat.
- Bertindak sebagai agensi pelaksana dasar-dasar dan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan-peraturan perhutanan.
- Bertindak sebagai agensi yang melaksanakan usaha-usaha pembangunan, pemulihan dan menghutan semula melalui amalan silvikultur yang sempurna supaya dapat mengeluarkan hasil yang tinggi.

Dalam organisasi ini, Jabatan Perhutanan Negeri Kedah telah dibahagikan kepada seksyen-seksyen yang mempunyai fungsi khusus masing-masing seperti berikut:-

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Bahagian ini diketuai oleh Pegawai Tadbir N44. Bahagian ini bertanggungjawab untuk memberi perkhidmatan sokongan pengurusan, menguruskan hal-hal berkaitan pentadbiran Jabatan, pengurusan sumber manusia, pengurusan kewangan, pengurusan aset Kerajaan dan pengurusan pusat sumber, penguatkuasaan peraturan dan langkah-langkah keselamatan dan perlindungan dokumen terperingkat Jabatan, dan pengendalian penilaian kompetensi.



Seksyen Pentadbiran Am

Seksyen ini yang diketuai oleh Pegawai Tadbir N44 adalah bertanggungjawab untuk membantu berkaitan urusan pentadbiran, perkhidmatan dan juga pengurusan kakitangan JPNK.

Seksyen Sumber Manusia dan Organisasi

Seksyen ini diketuai oleh Ketua Pembantu Tadbir N22. Seksyen Sumber Manusia dan Organisasi adalah bertanggungjawab menguruskan urusan sumber manusia JPNK terutama dalam mengenalpasti, menganalisa keperluan latihan dan menyediakan modul latihan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kakitangan JPNK dalam pelbagai bidang yang berkaitan dengan pengurusan hutan. Ia juga bertanggungjawab mengintegrasikan latihan di antara jabatan perhutanan negeri di seluruh Malaysia kepada kakitangan JPNK.



Seksyen Kewangan

Seksyen ini diketuai oleh Ketua Pembantu Tadbir Kewangan W22. Secara amnya seksyen ini bertanggungjawab berkaitan dengan pengurusan kewangan meliputi pengurusan peruntukan mengurus dan pembangunan supaya mematuhi peraturan kewangan yang sedia ada. Selain itu, seksyen ini terlibat secara langsung bagi pengurusan kewangan dan akaun seperti perkhidmatan anggaran belanjawan tahunan, gaji, elaun-elaun, projek Pembangunan, pembelian asset, pembelian barang-barang dan perkhidmatan serta pembayaran tuntutan kewangan. Di samping itu, seksyen ini bertanggungjawab bagi mengutip hasil termasuk premium, royalti dan ses Pembangunan hutan dan caj-caj lain serta laporan shuttle.

SEKSYEN PENTADBIRAN AM

Dari Kiri: Noor Azzahani binti Abdul Raoff [Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)], Aimi Azira binti Abd. Aziz (Setiausaha Pejabat), Hasbullah bin Shaari (Ketua Pembantu Tadbir), Mohd Azlan bin Ahmad [Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)], Nor Aisyah binti Saidin [Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)], Noor Sharbani binti Ismail [Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)].

Tiada Dalam Gambar: Muhammad Zuzaimi bin Zainol (Pemandu), Mohamad Syahrul Khairy bin Hashim (Pemandu), Saifuddin Anwar bin Shahril Anuar (Pegawai Khidmat Pelanggan), Mohamad Asrul bin Abdul Latif (Pembantu Operasi).

SEKSYEN SUMBER MANUSIA DAN ORGANISASI

Dari Kiri: Rohaida binti Mahmud [Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)], Mohd Noordeen bin Syed Mohamed (Penolong Pegawai Latihan)

Tiada Dalam Gambar: Tg. Rabiatul Asma binti Tg. Abd Jalil (Pembantu Awam), Siti Armiza binti Mohamad Razi [Ketua Pembantu Tadbir (HRMIS)], Nor Azura binti Majid (Pembantu Awam)

SEKSYEN KEWANGAN

Dari Kiri: Siti Hajar binti Che Md Isa (Penolong Akauntan), Suzana binti Safie [Ketua Pembantu Tadbir (Kewangan)], Nor Ariena binti Mohd Shakeri (Penolong Akauntan), Nuraimi binti Bahadon (Penolong Akauntan)

Tiada Dalam Gambar: Satmi bin Ani (Pembantu Awam), Intan Najihah binti Asri [Pembantu Tadbir (Kewangan)], Nur Zawani binti Mohd Zamri [Pembantu Tadbir (Kewangan)], Muhammad Syafiq bin Abdul Aziz (Penolong Akauntan)

Bahagian ini diketuai oleh Pemelihara Hutan Gred G52. Bahagian Pembangunan Hutan bertanggungjawab dalam merancang, melaksana dan memantau aktiviti-aktiviti pengurusan dan pembangunan hutan, termasuk pemeliharaan biodiversiti, pembangunan ekopelancongan dan pemulihan kawasan hutan serta penyediaan dan pelaksanaan Rancangan Pengurusan Hutan Negeri.

Seksyen Silvikultur dan Perlindungan

Seksyen ini yang diterajui oleh Pemelihara Hutan G44 merupakan Unit Silvikultur & Perlindungan Hutan sedia ada yang telah diperluaskan bidang fungsinya. Seksyen ini bertanggungjawab melaksanakan aktiviti-aktiviti Rawatan Silvikultur termasuk Bancian Hutan Selepas Tebangan, Tanaman Mengaya, Rawatan Kawasan Lapang, Rawatan Kawasan Terosot, Perhutanan Sosial dan rawatan di dalam Hutan Simpanan Kekal. Di samping itu, seksyen ini turut bertanggungjawab dalam mengawalselia Projek Komunikasi dan Kesedaran Awam melalui Kempen Penanaman 100 Juta Pokok bersama-sama NGO, sekolah, institusi pendidikan tinggi, dan agensi-agensi lain yang berkaitan.

Seksyen Ladang Hutan Dan Inovasi

Ianya diketuai oleh Pemelihara Hutan G41/44. Seksyen ini merupakan seksyen sedia ada dan bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan strategi bagi meningkatkan sumber bekalan kayu dan bukan kayu melalui program ladang hutan, penanaman spesies pokok di kawasan-kawasan terosot dan kawasan lapang di dalam HSK. Di samping itu, tugas-tugas utama bagi seksyen ini turut meliputi:

i) Menyelia dan memantau tapak-tapak semaian yang terdapat di daerah;
ii) Memantau kebakaran hutan yang berlaku dalam kawasan HSK; dan
iii) Memantau gejala perosak dan penyakit pokok dalam kawasan HSK.

Seksyen Pengurusan Hutan

Pemelihara Hutan G44 adalah bertanggungjawab mengetuai seksyen ini. Antara skop tanggungjawab seksyen ini adalah melaksanakan aktiviti perancangan dan pengurusan hutan (termasuk pengurusan HSK, merangka strategi pengukuhan pembangunan hutan di samping menggariskan pelan tindakan bagi mencapai sasaran program/pembangunan hutan).

Seksyen *Forest Eco Park* dan Hutan Taman Negeri

Seksyen ini diketuai oleh pegawai G41/44 Jawatan Ibu Pejabat (JIP). Seksyen *Forest Eco-Park* & Hutan Taman Negeri adalah seksyen yang menguruskan 19 Taman Eko-Rimba (TER), tiga (3) Hutan Taman Negeri (HTN), dan semua kawasan - kawasan ekopelancongan dalam Hutan Simpanan Kekal (HSK) Negeri Kedah. Seksyen ini juga dipertanggungjawabkan dalam menyelaraskan pembangunan infrastruktur dan permohonan permit penggunaan (rekreasi) bagi setiap kawasan TER, HTN dan kawasan ekopelancongan. Seksyen ini juga akan memastikan semua kawasan tersebut bersih dan mesra pengguna dengan pengurusan pelantikan kontraktor pembersihan dan pemasangan panel interpretasi tujuan pembelajaran kepada pengunjung. Selain itu, seksyen ini juga turut menguruskan 15 kawasan pendakian yang berstatus HSK di Negeri Kedah. Pada masa yang sama, seksyen ini berfungsi dalam menguruskan Malim Gunung Perhutanan (MGP) Kedah dan sistem *iForest* bagi pembelian permit memasuki HSK secara online.

Seksyen Kepelbagaian Sumber Hutan

Seksyen Kepelbagaian Sumber hutan yang diketuai oleh Pemelihara Hutan G41/44 adalah bertanggungjawab melaksanakan aktiviti pemeliharaan kepelbagaian biologi dengan penubuhan dan penyelenggaraan kawasan Hutan Simpanan Dara (VJR), Hutan Yang Mempunyai Nilai Pemuliharaan Yang Tinggi (HCVF), dan projek-projek atau program-program inisiatif bagi tujuan pemeliharaan rangkaian ekologi Central Forest Spine (CFS). Seksyen ini turut terlibat dalam

i) penyertaan jemputan pameran daripada agensi-agensi luar, menguruskan permohonan kajian dalam HSK;
ii) pengumpulan maklumat bagi Laporan Perangkaan JPSM dan Laporan Tahunan JPSM; dan
iii) pelaporan prestasi perbelanjaan peruntukan bagi projek pembangunan (P23) kepada JPSM.

SEKSYEN SILVIKULTUR DAN PERLINDUNGAN HUTAN

Dari Kiri: Mohd Husaini bin Hashim (Pembantu Awam), Siti Aishah binti Daud (Pengawas Hutan), Alwi bin Abdul Rahman (Pengawas Hutan), Mohammad Amirul Aiman bin Mohammad Noor (Renjer/Penolong Pemelihara Hutan), Rajihan bin Rahim (Penolong Pengarah), Kamaruzaman bin Sulaiman (Pengawas Hutan), Ruhil Hayati binti Mohd Darus (Pembantu Awam), Nor Aida Suhaiza binti Abdul Raoff (Pembantu Awam), Md Wazir bin Zain (Pemandu).

SEKSYEN LADANG HUTAN DAN INOVASI

Dari Kiri: Zainul Abidin bin Abdullah (Pemandu), Muhammad Said bin Abd Hakim (Penolong Pengarah), Safina binti Salleh (Pengawas Hutan).

Tiada dalam Gambar: Nasra Amizaa binti Zarudin (Pembantu Awam)

SEKSYEN PENGURUSAN HUTAN

Dari Kiri: Vijayareka a/p Balachandiran (Pembantu Awam), Mohd Syafri Rizal bin Rosly (Pemandu), Muhammad Muzamir bin Halim (Renjer/Penolong Pemelihara Hutan), Ihsan Sabri bin Kamarazaman (Penolong Pengarah), Muhamad Shuhaimi bin Saidin (Pengawas Hutan), Maturidi bin Hassan (Pengawas Hutan), Mohamad Asyraf bin Kamarulzaman Masaod (Pembantu Awam), Munnawar binti Ahmad (Pembantu Awam)

SEKSYEN FOREST ECO-PARK & HUTAN TAMAN NEGERI

Dari Kiri: Zulaika binti Zulkifli (Pembantu Awam), Mohd Fikri bin Azizan (Pengawas Hutan), Fatin Afiqah binti Roslan (Penolong Pengarah), Husna Aini Habibah binti Muazam (Renjer/Penolong Pemelihara Hutan)

SEKSYEN KEPELBAGAIAN SUMBER HUTAN

Dari Kiri: Zulkifli bin Saarani (Renjer/Penolong Pemelihara Hutan), Nurliyana Aqilah binti Asri (Penolong Pengarah), Mohd Al-Hafiz bin Mohd Jamil (Pembantu Awam)

BAHAGIAN OPERASI HUTAN

Bahagian ini diketuai oleh Pemelihara Hutan Gred G48. Bahagian Operasi Hutan bertanggungjawab terhadap pentadbiran, penguatkuasaan undang-undang hutan dan kutipan hasil hutan.

Seksyen Penguatkuasaan

seksyen ini yang diketuai oleh seorang Pemelihara Hutan Gred 44. Seksyen Penguatkuasaan Hutan adalah seksyen sedia ada yang melaksanakan penguatkuasaan Akta Perhutanan Negara 1984 bagi memastikan tidak berlaku kes-kes kesalahan hutan terutamanya pencerobohan ke atas Hutan Simpanan Kekal (HSK) serta memantau aktiviti pemindahan kayu dari Tanah Milik serta Tanah Kerajaan. Semakan dan sukatan pengeluaran kayu, menangani aduan awam, semakan kawasan lesen dan permit termasuk mengawal dari segi penguatkuasaan ke atas permit penggunaan juga adalah dibawah skop tugas.



Seksyen Kejuruteraan Hutan

Seksyen ini diurus bersama oleh tiga (3) orang penolong Jurutera. Seksyen Kejuruteraan Hutan adalah seksyen sedia ada yang bertanggungjawab untuk merancang dan melaksanakan pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur hutan serta memantau pembinaan jalan hutan dalam lesen pembalakan di Hutan Simpanan Kekal dan Tanah Kerajaan.

Seksyen Perindustrian, Pengusahasilan Kayu dan Bukan Kayu

Seksyen ini diketuai oleh Pemelihara Hutan Gred G41/ G44. Bahagian ini bertanggungjawab untuk memberi khidmat nasihat dan memproses segala permohonan berkaitan industri berasas kayu, pengusahasilan dan permit penggunaan bagi tujuan kelulusan.

Seksyen Siasatan

Seksyen ini diketuai oleh seorang Pemelihara Hutan Gred G41.Seksyen ini akan meneruskan tindakan penguatkuasaan dengan menjalankan siasatan terhadap kes-kes kesalahan hutan yang telah dikesan sebagaimana dalam peruntukan Enakmen (Pemakaian) Perhutanan Negara 1985 dan Enakmen Industri Berasas Kayu. Seksyen ini seterusnya akan menyedia, mengemaskini dan melengkapkan kertas siasatan berkaitan dengan kesalahan hutan seterusnya menjalankan pendakwaan di mahkamah sekiranya perlu berbuat demikian. Selain dari itu, seksyen ini bertanggungjawab dalam melaksanaan keputusan pendakwaan sehingga kertas siasatan itu selesai. Sesyen ini juga bertanggungjawab dalam merekod dan memantau status kemajuan penyiasatan bagi setiap kes kesalahan hutan. Satu siasatan khas dan pemeriksaan mengejut ke atas kawasan, individu-individu, syarikat-syarikat dan industri berasas kayu yang disyaki terlibat dengan kes-kes kesalahan hutan turut dilaksanakan oleh seksyen ini.

SEKSYEN PENGUATKUASAAN HUTAN

Dari Kiri: Zahaliza Zainol Abidin (Pembantu Awam), Wan Muhaimin bin Wan Radwan (Pemandu), Mohd Hafiz bin Mohd Shukri (Pembantu Awam), Azhar bin Murad (Renjer/Penolong Pemelihara Hutan), Mohd Mustakim bin Semail (Penolong Pengarah), Zairosimman bin Mohd Zain (Pengawas Hutan), Anuar bin Mat Zain (Pembantu Awam), Hanis Hanani binti Azmi (Pembantu Awam), Annor Azmina binti Anuar (Pembantu Awam).

Tiada Dalam Gambar: Mohd Fadli bin Ahmad Fadzil (Pembantu Awam)

SEKSYEN KEJURUTERAAN HUTAN

Dari Kiri: Siti Nur Humaira binti Shahbani (Pembantu Awam), Norhayati binti Awang Kechik (Pembantu Awam), Mohd Ghazali bin Md. Yunus (Pengawas Hutan), Mohamad Firdaus bin Ali Mahsen (Penolong Jurutera), Shahbudin bin Md Akhib (Pelukis Pelan), Farid bin Mahmud (Penolong Jurutera)

Tiada Dalam Gambar: Mohd Hanif bin Abdul Malik (Penolong Jurutera)

SEKSYEN PERINDUSTRIAN, PENGUSAHASILAN KAYU DAN BUKAN KAYU

Dari Kiri: Azha Izwan bin Azizan (Pengawas Hutan), Nurul Hana binti Mohd Sayuti (Penolong Pengarah), Fadzillah binti Yaacob (Pengawas Hutan), Fauziah binti Abd Aziz (Pembantu Awam)

SEKSYEN SIASATAN

Dari Kiri: Wan Nor Yusri bin Yusoff (Pembantu Awam), Mohd Hanifah bin Ismail (Pembantu Awam), Siti Zaiton binti Ahadon (Pembantu Awam), Zulkurnain bin Zakaria (Penolong Pengarah), Mohd Hanifah bin Ismail (Pembantu Awam)

PEJABAT HUTAN DAERAH

Bagi tujuan pentadbiran dan pengurusan, setiap daerah hutan diletakkan di bawah tanggungjawab Pejabat Hutan Daerah yang diketuai oleh Pegawai Hutan Daerah G41/44. Ia berperanan untuk menjalankan pentadbiran di peringkat daerah, termasuk kawalan pengusahasilan, kutipan hasil dan penguatkuasaan undang-undang serta menjalankan aktiviti pengurusan, penyelenggaraan, pembangunan dan silvikultur. Setiap Pejabat Hutan Daerah dibahagikan kepada beberapa renj hutan seperti di bawah :-

Daerah Hutan	Renj Hutan	Daerah Sivil
Pejabat Hutan Daerah Kedah Utara (Jitra)	Kubang Pasu, Padang Terap	Kubang Pasu, Padang Terap, Kota Setar, Pokok Sena, Pendang (sebahagian)
Pejabat Hutan Daerah Kedah Barat (Langkawi)	Langkawi	Langkawi
Pejabat Hutan Daerah Kedah Tengah (Sungai Petani)	Jeniang/Sik, Gulau, Sungai Petani/Gurun	Kuala Muda, Yan, Sik, Pendang (Sebahagian)
Pejabat Hutan Daerah Kedah Selatan (Kulim)	Tawar, Pahau, Weng	Baling, Kulim, Bandar Baharu, Sik (Sebahagian)

Pejabat Hutan Daerah
KEDAH BARAT

1. Sumber Hutan		
a)	Hutan Simpanan Kekal (ha)	26,187.19
	- Hutan Darat (ha)	23,008.90
	- Hutan Paya Gambut	-
	- Hutan Paya Laut	3,129.19
b)	Ladang Hutan (ha)	49.10
c)	Rezab Hidupan Liar (ha)	-
2. Pengusahasilan Hutan		
a)	Keluasan Usahasil	
	-Hutan Simpanan Kekal (ha)	-
	-Tanah kerajaan (ha)	-
	-Tanah Milik (ha)	-
3. Hutan Taman Negeri, Taman Eko Rimba & Kawasan Pendakian		
	- Hutan Taman Negeri	
	- Taman Eko Rimba	
	• TER Telaga Tujuh (ha)	50
	• TER Air TerjunTemurun (ha)	50
	• TER Pantai Pasir Tengkorak (ha)	50
	• TER Lubuk Semilang (ha)	50
	- Kawasan Pendakian (Ketinggian)	
	• Gunung Machinchang	713m
	• Gunung Raya (Tangga Helang Seribu Kenangan)	787 m
	• Bukit Kilim	113 m
4. Industri Hutan		
a)	Bilangan	
	- Kilang papan	1 buah
	- Kilang papan lapis	X
	- Kilang papan flake	X
	- Kilang kerja Kayu /Perabot	2 buah
	- Tanur pengering Kayu	X
	- Loji pengawetan	X
	- Loji cebis Kayu	X
5. Pejabat Renj dan Sub Renj		
	-	
7. Perjawatan		
	- Bilangan Jawatan	25
	- Jawatan Diisi	21

PEJABAT HUTAN DAERAH BARAT

Dari Kiri: Rofandi bin Mad Yusok (Pembantu Operasi), Mohd Amirrul Zaki bin Mohd Taib (Pembantu Awam), Ku Aziz bin Ku Hamid (Pembantu Awam), Mohd Subhi bin Senapi (Pembantu Awam), Ammar bin Ishak (Pembantu Awam), Tanty Anita binti Zainul Abidin (Pembantu Awam), Siti Khairiah binti Che Pi [Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)], Che Muhammad Adib bin Che Zainun (Pengawas Hutan), Akram Gimin (Pegawai Hutan Daerah), Norkasmi bin Azizan (Pengawas Hutan), Azamin bin Shariff (Pengawas Hutan), Samihah binti Jamaludin [Pembantu Tadbir (Kewangan)], Tasmitta a/p Rajandaran (Pembantu Awam), Muhammad Amirul Naji bin Mat Jamil (Pembantu Awam), Mohd Fazeli bin Mohd Ibrahim (Pembantu Awam), Fauzi bin Saman (Pembantu Awam), Rahmat Hidayat bin Mohammad Isman (Pemandu).

Tiada Dalam Gambar: Nek Abd Aziz bin Nek Ismail (Pen. Pemelihara Hutan), Ku Abd. Malek bin Ku Shaari (Pengawas Hutan), Muhamad Khairi bin Zakaria (Pembantu Awam), Mohd Syarifuddin bin Hussain (Pelukis Pelan).

Pejabat Hutan Daerah
KEDAH UTARA

1. Sumber Hutan		
a)	Hutan Simpanan Kekal (ha)	86849.74
	- Hutan Darat (ha)	84334
	- Hutan Paya Gambut	-
	- Hutan Paya Laut	185.74
b)	Ladang Hutan (ha)	2372
c)	Rezab Hidupan Liar (ha)	-
2. Pengusahasilan Hutan		
a)	Keluasan Usahasil	
	-Hutan Simpanan Kekal (ha)	650
	-Tanah kerajaan (ha)	-
	-Tanah Milik (ha)	94.2416
3. Hutan Taman Negeri, Taman Eko Rimba & Kawasan Pendakian		
	- Hutan Taman Negeri	
	• Pedu (ha)	13,715
	• Chebar Besar (ha)	1,442
	- Taman Eko Rimba	
	• TER Bukit Wang (ha)	50
	• TER Puncak Janing (ha)	50
	- Kawasan Pendakian (Ketinggian)	
	• Gunung Pakir Terbang	574m
	• Bukit Batu Merah	520m
	• Air Terjun Lebai Husin	300m
4. Industri Hutan		
a)	Bilangan	
	- Kilang papan	3
	- Kilang papan lapis	2
	- Kilang papan flake	1
	- Kilang kerja Kayu /Perabot	23
	- Tanur pengering Kayu	2
	- Loji pengawetan	1
	- Loji cebis Kayu	1
5. Pejabat Renj dan Sub Renj		
	Pejabat Renjer Hutan Kubang Pasu, Changlun	1
	Pejabat Renjer Hutan Padang Terap, Pokok Sena	1
	Pejabat Sub Renj Kuala Nerang	1
7. Perjawatan		
	- Bilangan Jawatan	82
	- Jawatan Diisi	67

PEJABAT HUTAN DAERAH KEDAH UTARA

Baris Depan Dari Kiri: Siti Aishah binti Ibrahim (Pembantu Tadbir (P/O), Fuziah binti Md Zain (Pembantu Awam), Nur Naziela binti Mohamad Zuki (Pembantu Awam), Shatirah binti Yahya (Pembantu Tadbir (P/O), Noor Akmal binti Jamil (Pegawai Hutan Daerah), Nor Shahina binti Ismail (Pembantu Awam), Alias bin Othman (Pen. Pemelihara Hutan), Norzita binti Marzuki (Penolong Akauntan), Nur Fatin binti Aziz (Pelukis Pelan)

Baris Belakang Dari Kiri: Mohd Azli bin Abd Hamid (Pembantu Operasi), Muhammad Hasshimi bin Zainon (Pembantu Awam), Mohd Nordin bin Abdul Jamil (Pengawas Hutan), Mohd Fauzi bin Abdul Ghani (Pembantu Awam), Mohd Kamal Hamdee bin Ismail (Pemandu)

Tiada Dalam Gambar: Nor Shahida Fariza binti Kudus (Pengawas Hutan), Muhammad Aqil Harith bin Alias (Pemandu)

PEJABAT HUTAN RENJ KUBANG PASU

Baris Depan Dari Kiri: Azizan bin Mat Isa (Pengawas Hutan), Fauziah binti Mad Saad (Pembantu Awam), Zurina binti Omar (Pembantu Awam), Zamzuri bin Daud (Pengawas Hutan), Noor Akmal binti Jamil (Pegawai Hutan Daerah), Nurul Amira binti Fadzil (Pen. Pemelihara Hutan), Mohd Redwan bin Ariffin (Pengawas Hutan), Anuar bin Jauhari (Pengawas Hutan)

Baris Belakang Dari Kiri: Mohd Firdaus bin Azmi (Pembantu Awam), Ruslan bin Ismail Zainol (Pembantu Awam), Md Zamri bin Salleh (Pembantu Awam), Hazali bin Hashim (Pembantu Awam), Muhammad Zaher bin Zainol (Pembantu Awam), Ku Nordin bin Ku Hamid (Pembantu Awam), Azizan bin Ishak (Pembantu Awam), A'seri bin Osman (Pembantu Awam), Shahrul Azrie bin Shopri (Pembantu Awam), Mohamad Zakri bin Doon (Pemandu)

Tiada Dalam Gambar: Khairi bin Khalid (Pengawas Hutan), Muhammad Faiz bin Zuhari (Pembantu Awam), Zainul Hisham bin Ahmad (Pengawas Hutan), Fathi Kamil bin Tuan Ismail (Pembantu Awam), Rasidi bin Biding (Pembantu Awam), Abdul Samad bin Ariffin (Pembantu Awam)

PEJABAT HUTAN RENJ PADANG TERAP

Baris Depan Dari Kiri: Saiful Azhar bin Abd Rashid (Pengawas Hutan), Muhammad Amin bin Abdullah (Pengawas Hutan), Shahromnizam bin Adnan (Pembantu Awam), Hasnal Bolkhiah bin Hasan (Pengawas Hutan), Mohd Shifauddin bin Mohd Khatib (Pengawas Hutan), Mohamad Syakir bin Othman (Pen. Pemelihara Hutan), Noor Akmal binti Jamil (Pegawai Hutan Daerah), Mohd Hamka bin Ismail (Pengawas Hutan), Ahmad Zahir bin Hussin (Pengawas Hutan), Annuar bin Ibrahim (Pembantu Awam), Azmin bin Ishak (Pengawas Hutan)

Baris Belakang Dari Kiri: Ku Mohd Azahari bin Ku Yaacob (Pembantu Awam), Mohd Redzuan bin Md Noor (Pembantu Awam), Mohd Kamarudin Abdullah (Pembantu Awam), Hanizan bin Arop@Haron (Pembantu Awam), Mohd Rofiee bin Ibrahim (Pemandu), Wan Abdul Aziz bin Mohd Zin (Pembantu Awam), Kamarul Izra bin Kamaruddin (Pembantu Awam), Nazreen bin Ghazali (Pembantu Awam), Nik Mohd Hanif bin Nik Din (Pembantu Awam)

Tiada Dalam Gambar: Zuhairi bin Hashim (Pengawas Hutan), Abdul Basir bin Awang Puteh (Pengawas Hutan), Amira Amani binti Mohd Tajuddin (Pembantu Awam), Mohd Zahir bin Abdullah (Pembantu Awam), Mohamad Fadzil bin Wahab (Pembantu Awam), Jamel bin Abu Hassan (Pembantu Awam), Mohd Firdaus bin Azmi (Pengawas Hutan), Asri bin Mahsin (Pembantu Awam), Mohd Khairul Afnan bin Ismail (Pembantu Awam), Mawardi bin Haji Ahmad (Pembantu Awam)

Pejabat Hutan Daerah
KEDAH TENGAH

1. Sumber Hutan		
a)	Hutan Simpanan Kekal (ha)	126,133.11
	- Hutan Darat (ha)	122,733.84
	- Hutan Paya Gambut	-
	- Hutan Paya Laut	3399.27
b)	Ladang Hutan (ha)	3,240
c)	Rezab Hidupan Liar (ha)	-
2. Pengusahasilan Hutan		
a)	Keluasan Usahasil	
	-Hutan Simpanan Kekal (ha)	1,562
	-Tanah kerajaan (ha)	-
	-Tanah Milik (ha)	352
3. Hutan Taman Negeri, Taman Eko Rimba & Kawasan Pendakian		
	- Hutan Taman Negeri	
	• Gunung Jerai (ha)	8,439
	• Ulu Muda (ha)	11,188
	- Taman Eko Rimba	
	• TER Lata Mengkuang (ha)	50
	• TER Seri Perigi (ha)	50
	• TER Titi Hayun (ha)	50
	• TER Sungai Rambai (ha)	50
	• TER Sungai Teroi (ha)	50
	• TER Sungai Kunyit (ha)	50
	• TER Tupah (ha)	50
	• TER Batu Hampar (ha)	50
	- Kawasan Pendakian (Ketinggian)	
	• Gunung Jerai	1217m
	• Lata Lembu	400m
	• Gunung Kemerlong	706m
	• Bukit Perak	800m
4. Industri Hutan		
a)	Bilangan	
	- Kilang papan	19
	- Kilang papan lapis	6
	- Kilang papan flake	0
	- Kilang kerja Kayu /Perabot	40
	- Tanur pengering Kayu	9
	- Loji pengawetan	9
	- Loji cebis Kayu	1
	-Kumai	1
	-Rotan Arang Tiub dan Kayu Bakau	5
5. Pejabat Renj dan Sub Renj		
	Pejabat Renjer Hutan Gurun/ Sungai Petani	1
	Pejabat Renjer Hutan Jeniang/ Sik/ Pendang	1
	Pejabat Renj Hutan Gulau	1
7. Perjawatan		
	- Bilangan Jawatan	107
	- Jawatan Diisi	88

PEJABAT HUTAN DAERAH KEDAH TENGAH

Duduk Dari Kiri: Nursyazana binti Ahmad Shauki (Pembantu Tadbir P/O), Suresh A/L Loganathen (Pembantu Operasi), Yazid bin Shaari (Pengawas Hutan), Datuk Ahmad Shuffir bin Zakaria (Penolong Pegawai Hutan Daerah), Nor Shahrini bin Nordin Ahmad (Pegawai Hutan Daerah), Muhammad Ariff bin Ishak (Pelukis Pelan), Farihan Sidqi bin Zakaria (Pengawas Hutan), Muhd Khairi bin Abd. Kadir (Pemandu), Mohd Fuad bin Kadir (Pemandu)

Berdiri Dari Kiri: Siti Mar'diah binti Muhammad Hanifah (Pembantu Awam), Azhare bin Azizan (Pembantu Awam), Mohd Lina Safuan bin Abu Hassan (Pembantu Awam), Mohamad Zamri bin Ismail (Pembantu Awam), Mohammad Syaherul bin Sabri (Pembantu Awam)

Tiada Dalam Gambar: Iza Haryatee binti Mansor (Penolong Akauntan), Siti Aisyah binti Ahmad (Pembantu Tadbir P/O), Mohd Khairul Akmal bin Abdul Latif (Pembantu Awam)

PEJABAT HUTAN RENJ JENIANG/SIK

Duduk Dari Kiri: Roshizal bin Yaacob (Pengawas Hutan), Mohd Suhaimi bin Abd. Rahman (Pembantu Awam), Fauziah binti Mohd Yusof (Pembantu Awam), Rusiman bin Mohd Rasid (Pengawas Hutan), Mazlan bin Marzuki (Pengawas Hutan), Suhardi bin Mat Salleh (Pembantu Awam), Mohamad Khairul Anwar bin Shamsudin (Pen. Pemelihara Hutan), Nor Shahrini bin Nordin Ahmad (Pegawai Hutan Daerah), Mohd Fauzi bin Ismail (Pembantu Awam), Ahmad Tarmizi bin Yaakob (Pengawas Hutan), Azamil bin Azmi (Pemandu), Izman Nizam bin Mohammad (Pengawas Hutan), Mohd Afif Ezzuan bin Md Nasir (Pengawas Hutan), Nor Aminlia binti Kamaruseidi (Pembantu Awam)

Berdiri Dari Kiri: Azmi bin Othman (Pembantu Awam), Shaharudin bin Baharom (Pembantu Awam), Muhammad Amiruddin bin Zamre (Pembantu Awam), Zaidi bin Shaaban (Pembantu Awam), Muhammad Hafiz bin Haji Sulaiman (Pembantu Awam), Hasri bin Hasmi (Pembantu Awam), Mohd Riyadz bin Zainun (Pembantu Awam), Zahir bin Md. Diah (Pembantu Awam), Muhammad Danial bin Haji Ismail (Pembantu Awam), Mohd Hafiez Akmal bin Zairosimman (Pembantu Awam), Zaini bin Mustapha (Pembantu Awam)

Tiada Dalam Gambar: Azhar bin Hussin (Pembantu Awam)

PEJABAT HUTAN RENJ GURUN

Duduk Dari Kiri: Rashidi bin Omar (Pembantu Awam), Ishak bin Salleh (Pembantu Awam), Roslan bin Hashim (Pembantu Awam), Zamri bin Hassan (Pengawas Hutan), Khairul Anuar bin Ibrahim (Pengawas Hutan), Nor Shahrini bin Nordin Ahmad (Pegawai Hutan Daerah), Mustaffa Bakri bin Abdul Majid (Renjer Hutan), Borhan bin Abdul Halim (Pembantu Awam), Mohd Firus bin Bidi (Pemandu)

Berdiri Dari Kiri: Mohammad Tarmizi bin Hashim (Pembantu Awam), Mohd Arif bin Abdul Rahim (Pembantu Awam), Mohd Fikrie bin Ishak (Pembantu Awam), Shamshudin bin Omar (Pembantu Awam), Mohd Nazeer bin Abu Hassan (Pembantu Awam), Mizal bin Hamid (Pembantu Awam), Muhammad Khairuddin bin Abu Bakar (Pembantu Awam), Mohd Jawaheer bin Mustaffa (Pembantu Awam)

Tiada Dalam Gambar: Mat Sopi bin Mohd Isa (Pengawas Hutan), Muhamad Izaini bin Razak (Pengawas Hutan), Mohd Hafid bin Halim (Pembantu Awam)

PEJABAT HUTAN RENJ GULAU

Duduk Dari Kiri: Nur Hazwani binti Zainol (Pembantu Awam), Ismail bin Md. Hasin (Pengawas Hutan), Badrol Hisham bin Yaakob (Pengawas Hutan), Izwan bin Ibrahim (Pembantu Awam), Azhar bin Osman (Pengawas Hutan), Azizan bin Md. Noh (Pembantu Awam), Mohd Kefri bin Ibrahim (Pen. Pemelihara Hutan), Mohd Hanif bin Mohayani (Pembantu Awam), Nor Shahrini bin Nordin Ahmad (Pegawai Hutan Daerah), Mat Jamel bin Mat Noh (Pengawas Hutan), Mohd Solahuddin bin Mat Akhir@Saad (Pembantu Awam), Muhammad Zharif bin Abdul Rahim (Pengawas Hutan), Shuharlina binti Shuib (Pembantu Awam)

Berdiri Dari Kiri: Mohd Reza bin Abdul Razab (Pemandu), Kamarul Zamani bin Awang Abu (Pembantu Awam), Abd. Karim bin Wahab (Pembantu Awam), Muhammad Hafiz bin Jusoh (Pembantu Awam), Mohd Fauzi bin Che Dollah (Pembantu Awam), Akmal Syafiq bin Najhan (Pembantu Awam), Nordin bin Salleh (Pembantu Awam), Mohd Solahuddin bin Mat Akhir@Saad (Pembantu Awam), Muhammad Najmi bin Bakar (Pembantu Awam), Shohaimi bin Omar (Pemandu)

Tiada Dalam Gambar: Sam Mohd Fauzi bin Saad (Pengawas Hutan), Mohd Hasrol Izuan bin Hamid (Pengawas Hutan), Zamri bin Hanafi (Pembantu Awam), Sobhi bin Mat Akhir (Pembantu Awam), Ishak bin Kasim (Pembantu Awam), Daswari bin Dasar (Pembantu Awam)

Pejabat Hutan Daerah
KEDAH SELATAN

1. Sumber Hutan		
a)	Hutan Simpanan Kekal (ha)	104295.93
	- Hutan Darat (ha)	110.042.00
	- Hutan Paya Gambut	-
	- Hutan Paya Laut	
b)	Ladang Hutan (ha)	5,968.00
c)	Rezab Hidupan Liar (ha)	-
2. Pengusahasilan Hutan		
a)	Keluasan Usahasil	
	-Hutan Simpanan Kekal (ha)	1,408.00
	-Tanah kerajaan (ha)	-
	-Tanah Milik (ha)	275.976
3. Hutan Taman Negeri, Taman Eko Rimba & Kawasan Pendakian		
	- Hutan Taman Negeri	
	• Ulu Muda (ha)	0
	- Taman Eko Rimba	
	• TER Ulu Paip (ha)	20
	• TER Sedim (ha)	60
	• TER Bukit Hijau (ha)	50
	• TER Lata Bayu (ha)	50
	- Kawasan Pendakian (Ketinggian)	
	• Gunung Bintang	1862 M
	• Bukit Besar	389 M
4. Industri Hutan		
a)	Bilangan	
	- Kilang papan	8
	- Kilang Drum Kabel	1
	- Kilang Kayu Kumai	1
	- Kilang Perabot	4
	- Tanur Kerja Kayu	24
	- Kilang Cebis Kayu / Loji Tepung	2
5. Pejabat Renj dan Sub Renj		
	Pejabat Renjer Hutan Kulim	1
	Pejabat Renjer Hutan Baling	1
	Pejabat Sub Renj Weng	1
7. Perjawatan		
	- Bilangan Jawatan	104
	- Jawatan Diisi	89

PEJABAT HUTAN DAERAH KEDAH SELATAN

Dari Kiri : Zamizan binti Jusoh (Pengawas Hutan), Mohammad Iqbal bin Ahmad (Pembantu Operasi), Hamiza binti Salleh (Pembantu Awam), Norisah binti Bahrudin (Penolong Jurutera), Mohammad Nordin bin Yahaya (Pemandu), Jamil bin Ibrahim (Pembantu Awam), Mohd Khairi Anwar bin Nasir [Pembantu Tadbir (P/O)], Anuar bin Ismail (Renjer Hutan/Penolong Pemelihara Hutan), Fadlilah Amirullah bin Mohamed (Pegawai Hutan Daerah), Khairun Anas bin Mohamad Tajuddin (Pengawas Hutan), Mohd Shazwan bin Shahidi (Pemandu), Mohamad Faizan bin Ishak (Pembantu Awam).

Tiada Dalam Gambar : Nurlia binti Johari (Penolong Akauntan), Sazratulwida binti Md Saad [Pembantu Tadbir (P/O)], Nor Aniza binti Othman (Pengawas Hutan)

PEJABAT HUTAN RENJ WENG

Dari Kiri: Irfan Hakimy bin Kamarul Izra (Pembantu Awam), Ahmad Nasir bin Halim@Bakar (Pembantu Awam), Rohizam bin Md Amin (Pemandu), Shuhaimi bin Mansor (Pengawas Hutan), Mohamad Fithrah bin Ayob (Pengawas Hutan), Nurul Afiqah binti Mohamad Shahrinizam (Pembantu Awam), Mohd Firdaus bin Ahmad (Pembantu Awam), Fadlilah Amirullah bin Mohamed (Pegawai Hutan Daerah), Mohd Farid bin Ahmad Marzuki (Pengawas Hutan), Mahamad Nasaruddin bin Mahamad Aris (Pengawas Hutan).

